



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : INGIN UBAH NASIB KELUARGA, WANITA ORANG ASLI PILIH BIDANG TVET SEBAGAI KERJAYA

SUMBER : BERNAMA - 9 SEPTEMBER 2026

Ingin Ubah Nasib Keluarga, Wanita Orang Asli Pilih Bidang TVET Sebagai Kerjaya

🕒 09/09/2026 06:16 PM



KUALA NERUS, 9 Sept (Bernama) -- Semangat ingin mencuba sesuatu yang baharu dan mengubah nasib keluarga mendorong seorang wanita Orang Asli dari Kampung Berdud di Kuala Krau, dekat Temerloh, Pahang memilih bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai laluan kerjayanya.

Graduan Kolej Komuniti Jerantut yang memperoleh Sijil Teknologi Akuakultur, Isah Yusof, 25, berkata dia yakin bidang TVET ialah jalan terbaik untuk anak Orang Asli sepertinya membina masa depan lebih baik buat dirinya dan keluarga.

"Saya ingin membuktikan bahawa meskipun berasal daripada keluarga sederhana dan mempunyai keterbatasan, tiada alasan untuk saya menyerah bagi mencapai impian. Saya juga sentiasa berpegang dengan prinsip dari mana kita bermula tidak pernah menentukan sejauh mana kita mampu melangkah," katanya.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : INGIN UBAH NASIB KELUARGA, WANITA ORANG ASLI PILIH BIDANG TVET SEBAGAI KERJAYA

SUMBER : BERNAMA - 9 SEPTEMBER 2026

Isah berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur 2026 (Sidang Ketujuh) di Dewan Sultan Mizan Zainal Abidin di Universiti Malaysia Terengganu, di sini hari ini.

Pada majlis yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Seri Mohd Shahrir Abdullah itu, Isah daripada suku kaum Jahut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Kolej Komuniti Pahang-Kolej Komuniti Jerantut, berdasarkan pencapaian cemerlangnya.

Kini, anak sulung daripada empat beradik itu bekerja sebagai pembantu operasi di Pusat Pembenihan Paya Besar di Pahang, sekali gus membantu meringankan beban keluarga memandangkan ayahnya bekerja sendiri, manakala ibunya seorang suri rumah.

Selain cemerlang dalam pengajian, Isah turut aktif dalam aktiviti kemasyarakatan bukan sahaja pada peringkat daerah dan negeri, malah peringkat antarabangsa juga apabila menjadi Pengarah Program "Bridging Cultures and Knowledge Through Aquaculture and Community" di Songkhla, Thailand pada tahun lepas.

Sementara itu, pada majlis sama, pelajar Kolej Komuniti Raub yang menerima Anugerah Keusahawanan, Roslina Rusli, 49, membuktikan bahawa usia bukan penghalang untuk dirinya terus menimba ilmu dalam bidang jahitan.

Ibu kepada empat anak itu berkata situasinya yang tidak mampu membeli pakaian baharu kepada anak-anak mendorongnya untuk belajar sepenuh masa selama dua tahun sehingga menerima Sijil Fesyen dan Pakaian, hari ini.

"Saya pernah menggunakan pakaian lama dan kain pelekut suami untuk menjahit baju anak-anak dengan tangan tanpa bantuan mesin, namun kemahiran saya terhad kerana hanya mempunyai pengetahuan asas menjahit yang dipelajari semasa bersekolah.

"Situasi itu mencetuskan keinginan saya untuk meningkatkan kemahiran dan memperoleh sijil di kolej komuniti," katanya.

Roslina yang menetap di Kuantan kini tidak menang tangan selepas menerima tempahan menjahit baju, khususnya pakaian tradisional wanita daripada pelanggan di sekitar Pahang.

-- BERNAMA